

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Sunday, 10 May, 2020 1:46 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: Siri Webinar CUIC: Up Close & Personal With Prof. Dato' (Dr.) Michael Tio Kongsi Pengalaman Semasa PKP

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 16 April 2020 12:58

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: Siri Webinar CUIC: Up Close & Personal With Prof. Dato' (Dr.) Michael Tio Kongsi Pengalaman Semasa PKP



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


16 APRIL 2020 / 22 SYAABAN 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Azlina Yahaman

Gambar oleh: CUIC

SIRI WEBINAR CUIC: UP CLOSE & PERSONAL WITH PROF. DATO' (DR.) MICHAEL TIO KONGSI PENGALAMAN SEMASA PKP



UUM ONLINE: Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) mengambil inisiatif untuk menghubungkan komuniti UUM dengan pengamal industri semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui siri '*Virtually Connected*' di Facebook CUIC.

Pada sesi selama sejam ini, CUIC telah menjemput Pengarah Urusan PKT Logistics Group, Prof. Dato' (Dr.) Michael Tio, CEO@Faculty UUM dan juga merupakan Profesor Adjung Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML).

Antara yang dibincangkan ialah isu-isu berkaitan usaha PKT Logistics Group dan pihak industri dalam berdepan dengan keadaan semasa yang mencabar ketika ini.

Sesi interaktif yang bersiaran secara langsung yang berjaya menarik sebanyak 2,800 tontonan itu juga membincangkan tentang pengalaman PKT Logistics dalam mengurus dan mengekalkan motivasi tenaga kerja, keutamaan penuh kepada keselamatan dan keperluan pekerja serta mementingkan ketangkasan dalam strategi perniagaan.

Dalam sesi tersebut, Prof. Dato' (Dr.) Michael Tio menekankan tentang kepentingan graduan bersikap proaktif dalam melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang relevan dengan industri semasa sebelum memasuki pasaran kerja, terutamanya dalam keadaan yang mencabar.

Selain itu, universiti juga digesa untuk memudahkan proses ini dengan membentuk kerjasama yang rapat dengan pihak industri dan mengenalpasti komponen ilmu yang relevan, selain menggalakkan pelajar UUM untuk mendalami bidang ilmu yang berkaitan dengan analitik data, pengurusan rantai bekalan dan logistik bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam pasaran kerja.

Dalam membincangkan masa depan industri logistik dan pergudangan, Prof. Dato' (Dr.) Michael Tio telah membuktikan bagaimana cabaran dan dugaan akibat pandemik Covid-19 boleh dijadikan peluang untuk penambahbaikan dan perkembangan syarikat melalui langkah yang diambil oleh PKT Logistics untuk bekerjasama dengan pelabur antarabangsa yang akan merencanakan lagi aktiviti perniagaan dalam kalangan syarikat tempatan.

Penyesuaian pihak industri dengan menggunakan teknologi IR4.0 akan menjadi perkembangan yang positif dan akan memastikan syarikat tempatan dapat bertahan di dalam pasaran tempatan dan di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek berkata, CUIC akan terus membawa industri kepada komuniti UUM dalam siri atas talian.

Menurutnya, CUIC akan memastikan bahawa komuniti UUM terus kekal mendapat informasi dan pengetahuan terkini berkenaan pengalaman pihak industri dalam menangani krisis, terutamanya semasa keadaan yang mencabar seperti pandemik wabak Covid-19.

Sesi yang menarik dan informatif tersebut diakhiri dengan sesi soal jawab bersama pelajar UUM dan penonton lain melalui laman Facebook CUIC UUM.

Kekalkan penjarakan sosial, teruskan berhubung di alam maya!



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.